

DYMENATE TABLET 50MG

Dimenhydrinate (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYMENATE TABLET
2. Bagaimana DYMENATE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYMENATE TABLET
4. Cara menggunakan DYMENATE TABLET
5. Semasa menggunakan DYMENATE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYMENATE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DYMENATE TABLET

DYMENATE TABLET digunakan sebagai anti muntah dalam pencegahan dan rawatan mabuk perjalanan; untuk rawatan simptom-simptom loya dan pening disebabkan oleh penyakit Meniere's dan lain-lain gangguan di dalam telinga.

Bagaimana DYMENATE TABLET berfungsi

Ia mempunyai tindakan antihistamin dan mempunyai kesan anti muntah.

Sebelum menggunakan DYMENATE TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan DYMENATE TABLET jika anda mempunyai hipersensitiviti kepada Dimenhydrinate atau lain-lain kandungan tersenarai pada akhir risalah ini.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil DYMENATE TABLET jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Ia boleh menyembunyikan simptom-simptom keracunan telinga.

Jangan ambil DYMENATE TABLET jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan DYMENATE TABLET

Dimenhydrinate mempunyai tindakan seperti atropine dan harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai

sejarah asma, peningkatan tekanan dalam mata, kelenjar tiroid yang terlampaui aktif, penyakit jantung dan saluran darah atau tekanan darah tinggi.

Anda perlu mengelakkan minuman beralkohol. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati jika anda menghadapi sawan, pembesaran prostat dan susah kencing.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan terutamanya:

-Monoamine oxidase inhibitors (anti kemurungan)

-Erythromycin (antibiotik)

-Ketoconazole (anti kulat)

Cara menggunakan DYMENATE TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Untuk mabuk perjalanan

Dewasa: 1 hingga 2 tablet, diberikan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum perjalanan dan boleh diulang setiap 4 jam jika perlu (tidak melebihi jumlah dos harian sebanyak 6 tablet).

Kanak-kanak 2 – 5 tahun: 1/2 tablet, 2 - 3 kali sehari.

Kanak-kanak 6 - 12 tahun: 1/2 hingga 1 tablet, 2 - 3 kali sehari.

Untuk pencegahan mabuk perjalanan, dos pertama perlu diambil 30 minit sebelum perjalanan.

Untuk penyakit Meniere's: 1/2 hingga 1 tablet, 3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan DYMENATE TABLET untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda dan simptom dos berlebihan- mulut kering, anak mata membesar, muka memerah, simptom-simptom perut dan usus boleh berlaku.

Semasa menggunakan DYMENATE TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYMENATE TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi DYMENATE TABLET dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera Ia boleh menyebabkan rasa mengantuk dan anda tidak boleh memandu atau mengendalikan mesin jika ia memberi kesan terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seerti ubat-ubatan lain, DYMENATE TABLET boleh menyebabkan kesan

DYMENATE TABLET 50MG

Dimenhydrinate (50mg)

sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kebanyakan kesan sampingan yang kerap adalah mengantuk, pening, gangguan koordinasi, iritasi perut, dan kelikata rembesan saluran pernafasan. Kesan sampingan yang kurang kerap adalah hipersensitiviti, ruam kulit, mulut kering, cepat marah, susah tidur, kegembiraan berlebihan, tekanan bergembira, penglihatan kabur, deringan dalam telinga, rasa berputar, keradangan urat saraf, sawan, sakit kepala, jantung berdebar dengan laju, tekanan darah rendah, susah kencing, lemah otot, denyutan jantung meningkat dan menggeletar.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web nprra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan DYMENATE TABLET

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di tempat kering dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, dwi cembung, bergaris dan berwarna kuning.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Dimenhydrinate

- Bahan tidak aktif

Lactose, Magnesium Stearate, Starch, Gelatine & Quinoline Yellow

- Nombor MAL
MAL19910822AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/07/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)100718/00190